

# The Awareness Level among the Perak Muslim Community towards the Perak Ar-Ridzuan Waqf

## Tahap Kesedaran Masyarakat Islam di Perak Mengenai Wakaf Perak Ar-Ridzuan

Fidlizan Muhammad<sup>a\*</sup>, Azila Abdul Razak<sup>a</sup>, Salwa Amirah Awang<sup>b</sup>, Mohd Yahya Mohd Hussin<sup>a</sup>, Mohd Zul Izwan Aliyasak<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>b</sup>Politeknik Sultan Azlan Shah, 35953 Behrang Stesen, Perak, Malaysia

\*Corresponding author: fidlizan@fpe.upsi.edu.my

**Article history:** Received 23 November 2018 Received in revised form: 15 February 2019 Accepted: 11 April 2019 Published online: 31 August 2019

### Abstract

Waqf is an essential element in the development of Islam. However, there are many existing issues in the management and development of waqf nowadays that inhibit the benefits of development to be enjoyed by the society. The Perak Ar-Ridzuan Waqf (WPAR) was established in 2015 with the aim to manage the development of waqf in Perak efficiently. Nevertheless, the issue of funding shortage to expedite the development has been the key issue. Therefore, this study purposively to identify the level of awareness of the Muslim community in the state of Perak regarding WPAR from the aspects of establishment, development planning, waqf method and others. This study employs the quantitative method through the use of questionnaire forms as the instrument to obtain the data that contains two sections in which the part A is for respondents' profile and the part B is specifically for respondents' knowledge on WPAR. A total of 312 respondents were involved in this study. Analysis of descriptive and crosstab were applied to analyze the gathered data. The finding of the study shows that the level of knowledge among the Muslim community pertaining WPAR in the planned development projects, waqf method and matching donation incentive prepared by the Maybank Islamic were unknown by the majority of respondents. Similar situations occurred among respondents who are and had served as the mosque committees. The implication of this study proves that the existence of WPAR is still less known to the Muslim community in Perak. This condition needs a serious attention from the authority to ensure that the establishment of WPAR is able to attain its goal and realize all waqf development projects according to the allocated funding and time.

**Keywords:** Waqf, development, awareness, cash waqf, matching grant

### Abstrak

Wakaf merupakan elemen penting dalam perkembangan Islam. Namun, wujud pelbagai isu dalam pengurusan dan pembangunan wakaf kini yang menyebabkan manfaat pembangunan tidak dapat dinikmati oleh masyarakat. Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) telah ditubuhkan pada tahun 2015 bertujuan untuk menguruskan pembangunan wakaf di Perak secara efisien. Walau bagaimanapun, isu kekurangan dana untuk menyegerakan pembangunan merupakan isu penting. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat Islam di Perak berkaitan WPAR dari aspek penubuhan, perancangan pembangunan, kaedah berwakaf dan lain-lain. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui borang soal selidik sebagai instrumen mendapatkan data yang mengandungi dua bahagian iaitu profil responden pada bahagian A dan tahap pengetahuan berkaitan WPAR pada bahagian B. Seramai 312 responden terlibat dalam kajian ini. Analisis deskriptif dan analisis silang diaplikasi bagi menganalisis data-data diperolehi. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan masyarakat Islam berkaitan WPAR melibatkan projek-projek pembangunan yang dirancang, kaedah berwakaf serta insentif sumbangan sepadan yang disediakan oleh pihak Maybank Islamic tidak diketahui oleh majoriti responden. Hal yang sama juga berlaku dalam kalangan responden yang sedang dan pernah berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa masjid. Implikasi kajian ini membuktikan bahawa kewujudan WPAR masih kurang diketahui oleh masyarakat Islam di Perak. Keadaan ini memerlukan perhatian serius daripada pihak bertanggungjawab bagi memastikan penubuhan WPAR mampu mencapai matlamat dan merealisasikan semua projek pembangunan wakaf mengikut jumlah dana dan masa yang diperuntukkan.

**Kata Kunci:** Wakaf, pembangunan, pengetahuan, wakaf tunai, geran sepadan

© 2019 Penerbit UTM Press. All rights reserved

## ■1.0 PENGENALAN

Pembangunan ekonomi dan sosial bersumberkan instrumen wakaf kini semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. Sebelum ini, amalan perwakafan disalahertikan dengan penggunaan yang terhad kepada tujuan mendirikan masjid, sekolah agama dan tanah perkuburan sahaja (Megat Mohd Ghazali & Asiah, 2006). Namun, proses penginstitusian pengurusan wakaf kini mewujudkan perubahan dalam aspek mekanisme atau instrumen pendanaan, pengembangan dan penggunaan dana wakaf, dan strategi mempromosikan wakaf. Beberapa mekanisme baru sebagai sumber pendanaan kontemporari dalam pembangunan projek wakaf dicadangkan bagi mengatasi masalah kekurangan dana seperti saham, sukuk (Siti Mashitoh, Asmak, Azizi, Suhaili & NorAini, 2009; Haydzulkifli & Asmak, 2009), amanah pelaburan hartanah Islam (Syahnaz & Aznan, 2014) dan wakaf korporat (Asharaf & Abdullaah, 2014). Begitu juga dengan penggunaan wakaf yang semakin pelbagai seperti tujuan pendidikan (Najibah & Mohd Zamro, 2014; Mohd Syakir, Wan Kamal Ermy Azziaty & Kartini, 2017), kesihatan (Norizah & Asmak, 2015; Nur Ainul Basyirah & Ermy Azziaty, 2016, 2017), perumahan, perniagaan (Asmak, 2009), pertanian (Siti Mashitoh et al., 2009) dan sebagainya.

Kepelbagaian mekanisme dan tujuan pembangunan wakaf ini disokong penubuhan institusi pengurusan dan enakmen wakaf khusus yang dilaksanakan oleh beberapa buah negeri seperti di Johor, Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kewujudan institusi wakaf secara khusus telah memudahkan institusi wakaf melaksanakan kerjasama dengan pelbagai sektor korporat dan perbankan. Langkah penginstitusian ini membolehkan beberapa penambahbaikan dilaksanakan seperti pengurusan wakaf diuruskan oleh pihak swasta atau individu dan majlis, pengenalan jenis-jenis instrumen baharu wakaf dan pengurusan kewangan yang lebih efisien (Nor Asiah, 2018). Walaupun terdapat beberapa negeri yang belum menginstitusikan pengurusan wakaf, namun penambahbaikan peraturan atau enakmen yang komprehensif telah dilaksanakan seperti di Terengganu dan Melaka (Nor Asiah, 2018).

Dalam pembangunan wakaf di Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) mewujudkan produk perbankan wakaf korporat (Asharaf & Abdullaah, 2014) yang dikenali sebagai Wakaf Selangor Muamalat, Wakaf Negeri Sembilan Muamalat dan Wakaf MAIK Muamalat (Waqaf Muamalat. (n.d.)). Maybank Islamic pula menyalurkan sejumlah wakaf tunai korporat yang besar kepada Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) di Perak sebanyak RM10 juta dan RM20 juta di Wilayah Persekutuan. Senario wakaf di Perak khususnya menarik untuk diteliti dengan lebih lanjut. Hal ini dipengaruhi oleh penubuhannya yang masih baharu iaitu pada penghujung tahun 2015, namun jumlah dana wakaf diperlukan untuk pembangunan projek yang dirancang adalah besar iaitu RM65 juta. Sehingga bulan Disember 2017, Maybank Islamic merupakan penyumbang dana wakaf terbesar kepada WPAR sebanyak RM5 juta daripada jumlah keseluruhan dana wakaf terkumpul semasa berjumlah RM6.2 juta. Oleh yang demikian, penerimaan dana wakaf ini didapati berlaku dalam kadar yang perlahan dan boleh memberi implikasi masa yang panjang untuk menyempurnakan projek-projek yang dirancang. Jumlah kutipan yang perlahan ini menimbulkan pelbagai persoalan sama ada kewujudan WPAR sebagai institusi pengurus wakaf di Perak dan kaedah sumbangan yang dilaksanakan diketahui atau sebaliknya oleh masyarakat Muslim.

Untuk perbincangan berikutnya, kajian ini dibahagikan kepada enam (6) bahagian iaitu WPAR dan projek pembangunan pada bahagian kedua, kajian lepas pada bahagian ketiga, metodologi dan analisis kajian pada bahagian keempat dan kelima, dan kesimpulan dan cadangan pada bahagian keenam.

## ■2.0 PROJEK PEMBANGUNAN WAKAF OLEH WPAR

Wakaf Perak Ar-Ridzuan atau ringkasnya WPAR ditubuhkan dalam Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu (MAIPk) kali ke-193 pada 18 Disember 2015. Institusi ini unik kerana mengandungi nama Perak Ar-Ridzuan yang menunjukkan pembangunan wakaf daripada dana yang dikumpulkan akan dimanfaatkan oleh masyarakat di Perak. Pengoperasian WPAR disokong dengan kewujudan Enakmen Wakaf (Perak) 2015 yang mula berkuatkuasa pada 15 Februari 2016 dengan mengandungi 10 bahagian beserta 50 seksyen yang meliputi elemen pewujudan wakaf, *istibdal* dan pembangunan, pengurusan, kewangan dan sebagainya. Menerusi enakmen berkaitan, MAIPk memberikan kuasa kepada WPAR dalam urusan pentadbiran dan pembangunan harta wakaf di Perak. Bagi urusan kewangan pula, pada Bahagian IX, Seksyen 38 menyatakan bahawa wang wakaf yang diperolehi dibenarkan untuk dilaburkan secara syariah sama ada di dalam bank, institusi pelaburan dan sekuriti yang diterbitkan oleh kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Selain itu, bagi tujuan mengutip sumbangan wakaf daripada orang ramai, WPAR boleh melaksanakannya berdasarkan enakmen pada Bahagian II, Seksyen 11 dengan memperkenalkan skim-skim wakaf tertentu. Seajar dengan kuasa ini, WPAR turut boleh mewujudkan pelbagai mekanisme dan kerjasama bagi memudahkan penyertaan masyarakat Islam berwakaf seperti sumbangan kaunter pejabat MAIPk, ejen berdaftar seperti amil dan kakitangan MAIPk, potongan gaji dan perbankan atas talian.

Maybank Islamic merupakan institusi perbankan Islam yang awal tampil menyokong kewujudan WPAR di Perak. Jumlah dana wakaf sebanyak RM10 juta diperuntukkan kepada WPAR melibatkan dua bahagian iaitu RM5 juta bagi tujuan pembangunan kediaman pelajar di Universiti Islam Sultan Azlan Shah (USAS), dan bakinya dalam bentuk wakaf tunai. Menariknya, Maybank Islamic turut menyediakan sumbangan wakaf tunai sepadan mengikut nilai diwakafkan kepada WPAR yang menggunakan bayaran atas talian iaitu Maybank2u (WPAR, n.d). Kemudahan wakaf tunai sepadan ini merupakan alternatif yang mampu mempercepatkan pengumpulan dana secara berganda oleh pihak WPAR. Namun demikian, sejauhmana kaedah ini diketengahkan dan diketahui oleh masyarakat Muslim di Perak memerlukan kajian lanjut.

Sejak ditubuhkan, WPAR telah merancang pelbagai projek pembangunan wakaf bagi memberi manfaat kepada penduduk di negeri Perak. Jenis dan nilai projek wakaf yang telah dirancang WPAR ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1** Projek Pembangunan Wakaf oleh WPAR

Projek Pembangunan	Sasaran (RM juta)	Kutipan Semasa (RM)	Peratus kutipan	Baki (RM)
Pembangunan Asrama USAS	15	5,298,616.73	35.32	9,701,383.27
Program Mumtaz	10	73,200.55	0.73	9,926,799.45
Waqf Business Centre (WBC)	20	249,941.32	1.25	19,750,058.68
Pembinaan Pusat Hemodialisis	10	239,159.93	2.39	9,760,840.07
Perkembangan Ilmu Al-Quran	5	280,477.86	5.61	4,719,522.14
Wakaf Bot	5	50,375.85	1.01	4,949,624.15
<b>JUMLAH</b>	<b>65</b>	<b>6,191,772.24</b>		<b>58,808,227.76</b>

Sumber: WPAR (n.d.)

Berdasarkan Jadual 1, ia menunjukkan bahawa WPAR masih memerlukan jumlah dana wakaf yang besar bagi merealisasikan keseluruhan projek yang dirancang. Memandangkan jumlah dana diperlukan masih banyak, situasi ini menarik untuk dikaji dengan lanjut atas beberapa justifikasi. Pertama, tahap pengetahuan masyarakat Islam di Perak berkaitan WPAR setelah hampir tiga tahun beroperasi sama ada diketahui atau sebaliknya oleh masyarakat Muslim. Kedua, pengetahuan masyarakat mengenai sumbangan wakaf tunai sepadan yang disediakan oleh pihak Maybank Islamic melalui sumbangan atas talian Maybank2u. Pendedahan berkaitan insentif ini signifikan bagi mempercepatkan WPAR mengumpul dana wakaf yang diperlukan secara berganda. Oleh yang demikian, maklumat lanjut pengetahuan masyarakat Muslim di Perak ini signifikan untuk menambahbaik pendekatan pemasaran wakaf semasa yang dilaksana oleh WPAR.

### 3.0 KAJIAN LEPAS

Perbincangan berkaitan wakaf di Malaysia melalui sorotan kajian lepas didapati semakin berkembang dan mencakupi pelbagai isu. Menurut Salehuddin dan Nor Asiah (2017) yang menyoroti kajian wakaf daripada tahun 1957 hingga 2017 mendapati bahawa kajian wakaf berkembang pantas di Malaysia bermula dari tahun 1998 hingga 2017 melibatkan 11 elemen kajian. Empat elemen utama kajian wakaf adalah berkaitan pengurusan dan pembangunan wakaf, perundangan, instrumen wakaf tunai dan peranan wakaf dalam sosio ekonomi masyarakat dan negara. Memandangkan skop kajian wakaf adalah luas, didapati bahawa elemen-elemen ini relevan dikategorikan kepada empat bahagian penting sebagaimana telah dikemukakan oleh Mohamad Zaim, Muhammad Ikhlas dan Mohd Anuar (2015). Hal ini didapati realistik memandangkan kebanyakan pengkaji membincangkan empat bahagian penting dalam kajian wakaf iaitu masalah-masalah wakaf, pengurusan wakaf, pembangunan dan pemeraksanaan wakaf.

Dalam permasalahan wakaf, empat isu penting dikenalpasti iaitu prosedur dan perundangan, masalah pengurusan dan pentadbiran, masalah pembangunan tanah dan masalah halangan fizikal dan sosial (Rohayu & Rosli, 2014). Berkaitan prosedur dan perundangan, antara isu yang dibincangkan ialah isu pendaftaran tanah wakaf (Rusnadewi, Rohayati & Noor Inayah, 2015; Sayuti, Mohd Hamran, Hasan al-Banna & Basri, 2011), pemilikan selepas pajakan (Siti Mashitoh, 2004), perbezaan undang-undang (Sharifah Zubaidah, 2016), akta atau enakmen berkaitan wakaf (Mohiddin, 2013) dan konflik perundangan antara syariah dan sivil (Rusnadewi, 2013; Rabi'ah & Rohimi, 2018). Masalah pengurusan dan pentadbiran wakaf pula dikaitkan dengan beberapa isu, antaranya ialah pengurusan wakaf secara berbeza oleh MAIN mengikut negeri (Ramli & Ayob, 2005), perbezaan fatwa (Che Zuina, Nor Jana & Nor Jawanees, 2012; Harun, Mohamed Isa & Ali 2012), kakitangan yang kurang berkemahiran dan tidak mencukupi (Che Zuina, Nor Jana & Nor Jawanees, 2012), maklumat dan perekodan tidak sistematik (Ihsan & Mohamed Ibrahim, 2011).

Manakala dalam pembangunan tanah wakaf pula berkaitan isu ketidakselarasan penggunaan tanah mengikut pelan perancangan kerajaan negeri (Hassan & Shahid, 2010) dan kekurangan dana bagi tujuan pembangunan (Saifuddin, Kayadibi, Polat, Fidan & Kayadibi 2014; Sulaiman, 2012; Sanep & NurDiyana, 2011). Masalah halangan fizikal dan sosial pula merujuk kepada isu lokasi tanah kurang strategik (Harun, Mohamed Isa & Ali, 2012; Ismail, Muda, & Hanafiah, 2014) dan tahap kefahaman masyarakat berkaitan wakaf (Adeyemi, Nurul Aini & Siti Sabariah, 2016; Puad, Rafdi & Sahar 2014; Faiz, 2014). Memandangkan wujud pelbagai isu berkaitan wakaf, pihak bertanggungjawab kini dilihat giat merancang dan melaksanakan pelbagai strategi bagi mengatasi mengatasi isu-isu yang berlaku. Antara strategi yang dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah berkaitan wakaf ialah melalui pewujudan institusi khusus wakaf (Nor Asiah, 2018; Norma, Salina & Zarinah, 2013) di bawah MAIN seperti Selangor dan Perak, dan institusi korporat seperti WanCorp di Johor, mewujudkan enakmen wakaf khusus (Nor Asiah, 2018; Syarifah Zubaidah, 2016), cadangan penyeragaman undang-undang wakaf peringkat persekutuan (Syarifah Zubaidah, 2016) dan mempelbagaikan instrumen dan kaedah berwakaf (Aminah & Mohamad Tahir, 2015).

Memandangkan beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan dalam pengurusan wakaf, perubahan ini memerlukan sokongan signifikan daripada masyarakat Islam. Hal ini bertujuan untuk memastikan pembaharuan yang dilakukan oleh pihak MAIN berjalan lancar. Rentetan itu, kajian berkaitan kefahaman, kesedaran dan pengetahuan masyarakat Islam penting dikaji sebagai input dalam proses penambahbaikan dilakukan. Kajian Ahmad Zaki (2011) misalnya mendapati masyarakat mengetahui berkaitan amalan wakaf, namun skop harta wakaf dan penggunaan wakaf yang diketahui adalah terhad. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian Siti Mashitoh (2009) yang mendapati instrumen wakaf kontemporari juga masih kurang jelas dan diketahui oleh masyarakat. Inovasi dalam pengumpulan dana wakaf melalui pelbagai produk seperti saham menimbulkan perdebatan hukum dalam kalangan masyarakat. Perkembangan ini tidak diketahui

meluas oleh masyarakat yang menyebabkan konsep pembangunan wakaf difahami secara terhad untuk kegunaan masjid, sekolah agama dan perkuburan. Kekangan pengetahuan ini merupakan cabaran besar kepada pihak MAIN yang berhadapan halangan daripada waris dan masyarakat setempat berkaitan cadangan atau idea pembangunan alternatif yang mampu menyumbang manfaat besar kepada masyarakat Islam. Sejar dengan perubahan pengurusan wakaf semasa, masyarakat perlu diberikan maklumat berkaitan wakaf yang lebih menyeluruh. Faktor pengetahuan asas mengenai wakaf sahaja tidak mencukupi untuk menarik masyarakat berwakaf. Pendedahan mengenai prosedur, perundangan, pengurusan dan perbelanjaan dana wakaf perlu dikongsi bersama-sama bagi meningkatkan keyakinan masyarakat (Nur Shahida, Noorhayati, Noraizan & Wan Anisah, 2017).

Memandangkan kajian pengetahuan masih relevan dan menyumbang sebagai input dalam proses perubahan pengurusan wakaf semasa, maka kajian ini memfokuskan mengenai tahap pengetahuan masyarakat Muslim di Perak berkaitan institusi Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR). Dalam tempoh hampir tiga tahun penubuhan WPAR, pelbagai usaha telah dilaksana. Oleh yang demikian, tahap pengetahuan masyarakat di Perak mengenainya amat signifikan untuk perkembangan wakaf masa hadapan.

#### 4.0 METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat Muslim di Perak berkaitan institusi Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR). Skop pengetahuan yang dikaji adalah penubuhan, pengurusan, pembangunan projek, kaedah berwakaf dan penyampaian maklumat. Terdapat lapan item berkaitan skop pengetahuan WPAR dikemukakan pada Bahagian B menggunakan instrumen soal selidik yang turut mengandungi profil ringkas responden kajian pada Bahagian A. Borang soal selidik diedarkan dalam tempoh enam bulan bermula Februari 2018 hingga Julai 2018 yang melibatkan 312 responden di seluruh negeri Perak. Pernyataan yang dikemukakan kepada responden menggunakan skala nominal iaitu ya dan tidak. Skala ini dipilih bersesuaian dengan skop utama kajian iaitu pengetahuan masyarakat terhadap maklumat asas berkaitan WPAR. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif iaitu kekerapan dan peratus. Analisis silang (*crossstab*) turut dilaksana bagi mengetahui lebih lanjut tahap pengetahuan berkaitan WPAR melibatkan dua kumpulan iaitu responden yang sedang atau pernah memegang jawatan dalam pengurusan masjid atau surau diri jumaat (SDJ), dan responden awam iaitu kumpulan yang tidak pernah memegang sebarang jawatan. Analisis ini dipilih dijustifikasikan kepada asas kawal selia WPAR dan institusi masjid yang berada di bawah pengurusan sama iaitu MAIPk. Sehubungan itu, penyebaran maklumat berkaitan WPAR seperti hebahan dan bahan promosi turut sama dijangka melibatkan institusi masjid.

#### 5.0 DAPATAN KAJIAN

Maklumat responden yang terlibat dalam kajian ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 2. Kajian ini melibatkan 312 orang dengan 85.9 peratus responden lelaki dan 14.1 peratus responden perempuan. Majoriti responden adalah kumpulan muda iaitu 46.5 peratus berusia 22 hingga 32 tahun, diikuti oleh responden berusia 55 tahun dan ke atas (21.5%), 33 hingga 43 (17.9%) dan 44 hingga 54 tahun (13.8%). Penglibatan responden dalam jawatankuasa masjid pula menunjukkan 36 peratus responden merupakan individu yang sedang dan pernah terlibat dalam pengurusan institusi masjid, manakala 64 peratus pula sebaliknya yang dapat dirumuskan sebagai responden awam.

Jadual 2 Maklumat Responden

Kategori	Keterangan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Jantina	Perempuan	44	85.9
	Lelaki	268	14.1
Umur	22-32	145	46.5
	33-43	56	17.9
	44-54	43	13.8
	55 dan ke atas	68	21.5
	Ya (aktif)	43	13.8
Jawatankuasa Masjid	Tidak (pernah) <sup>a</sup>	69	22.1
	Tidak <sup>b</sup>	200	64.1

Nota: <sup>a</sup> responden yang pernah memegang jawatan dalam pengurusan masjid, namun tidak semasa kajian dilakukan, <sup>b</sup> tidak pernah memegang jawatan

Analisis tahap pengetahuan responden terhadap WPAR pula dapat ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Pengetahuan masyarakat berkaitan Wakaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR)

Bil	Pernyataan	Ya	%	Tidak	%
1	Saya tahu mengenai kewujudan WPAR di Perak.	135	43.3	177	56.7
2	Saya tahu WPAR diuruskan oleh Majlis Agama Islam Perak (MAIPk).	136	43.6	176	56.4

3	Saya tahu WPAR menerima sumbangan wakaf dalam bentuk tunai.	108	34.6	204	65.4
4	Saya tahu WPAR mempunyai banyak projek pembangunan yang tidak dapat disiapkan kerana kekurangan sumbangan.	80	25.6	232	74.4
5	Jumlah kutipan wakaf semasa oleh WPAR boleh disemak dalam talian.	54	17.3	258	82.7
6	Saya tahu kaedah untuk menyalurkan wakaf tunai kepada WPAR.	54	17.3	258	82.7
7	Saya pernah mendengar penerangan berkaitan WPAR dari pegawai MAIPk.	71	22.8	241	77.2
8	Maybank Islamic menambah sebanyak RM1 bagi setiap RM1 yang diwakaf	42	13.5	270	86.5

Berdasarkan Jadual 3, didapati secara umum pengetahuan responden mengenai WPAR adalah sederhana bagi elemen penubuhan dan pengurusan WPAR, manakala elemen lain-lain pula adalah rendah. Aspek penubuhan dan pengurusan WPAR dapat diteliti dalam pernyataan 1 dan 2 yang mana peratus perbezaan responden yang mengetahui dan tidak mengetahui lebih kurang 13 peratus. Namun, majoriti menunjukkan kewujudan WPAR ini belum diketahui sepenuhnya oleh masyarakat Islam di Perak. Bagi elemen lain-lain yang ditunjukkan dalam pernyataan 3 hingga 8 pula jelas membuktikan tahap pengetahuan masyarakat Islam Perak adalah sederhana berkaitan pembangunan yang dirancang dan kaedah berwakaf yang diterokai oleh WPAR. Tiga pernyataan utama yang menyebabkan pengumpulan dana oleh WPAR sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1 menimbulkan persoalan ialah sebanyak 86.5 peratus responden tidak mengetahui kewujudan sumbangan wakaf berbentuk sepadan yang dilaksana oleh WPAR melalui sumbangan masyarakat menggunakan perbankan atas talian Maybank2u. Selain itu, pelbagai kaedah menyalurkan wakaf yang telah diterokai oleh WPAR dan semakan wakaf secara atas talian turut tidak diketahui oleh masyarakat melalui pernyataan 5 dan 6 sebanyak 83 peratus.

Pengetahuan yang rendah ini didapati dipengaruhi oleh faktor kurang pendedahan langsung berkaitan WPAR daripada pihak bertanggungjawab (77.2%, pernyataan 7). Keadaan ini menyebabkan projek-projek pembangunan yang dirancang dan memerlukan dana wakaf sederhana diketahui (74.4 %, pernyataan 4) oleh masyarakat Islam. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa informasi mengenai WPAR yang telah berusia hampir tiga tahun kurang dikenali pada peringkat akar umbi. Oleh yang demikian, pihak bertanggungjawab perlu merangka strategi untuk mempromosikan WPAR sebagai institusi pembangunan wakaf yang diamanahkan oleh pihak negeri Perak dengan pengurusan yang efisien.

Bagi menganalisis lebih lanjut mengenai dapatan pengetahuan daripada Jadual 3, analisis silang dilakukan. Dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 4 berfokus kepada jawapan "Tidak" dalam Jadual 3, beserta tahap penglibatan responden dalam jawatankuasa pengurusan masjid. Berdasarkan hasil analisis dalam Jadual 4, beberapa penemuan penting diperoleh yang mampu dijadikan asas untuk menjelaskan faktor sumbangan wakaf yang sederhana diperoleh WPAR. Pertama, mekanisme sumbangan secara sepadan yang diusahakan oleh WPAR bersama Maybank Islamic menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan responden iaitu 87 peratus oleh masyarakat awam, manakala 88 peratus dan 86 peratus pula dalam kumpulan yang sedang dan pernah memegang jawatan dalam pengurusan masjid. Sehubungan itu, dapatan ini dipercayai menunjukkan kebanyakan ahli jawatankuasa masjid tidak mengetahui dan dimaklumkan usaha pembangunan wakaf yang dilaksanakan WPAR menerusi MAIPk.

**Jadual 4** Analisis Silang Penglibatan Jawatankuasa Masjid dengan Pengetahuan (Tidak<sup>a</sup>)

Bil	Pernyataan	Jawapan/ Bilangan	Tahap Penglibatan dalam Jawatankuasa Masjid / Surau Diri Jumaat (SDJ)		
			Tidak Pernah Terlibat	Pernah Terlibat	Terlibat (masih aktif)
			200	69	43
1	Saya tahu mengenai kewujudan WPAR di Perak.	Tidak	125	31	21
		%	63	45	49
2	Saya tahu WPAR diuruskan oleh Majlis Agama Islam Perak (MAIPk).	Tidak	118	37	21
		%	59	54	49
3	Saya tahu WPAR menerima sumbangan wakaf dalam bentuk tunai.	Tidak	135	43	26
		%	68	62	60
4	Saya tahu WPAR mempunyai banyak projek pembangunan yang tidak dapat disiapkan kerana kekurangan sumbangan.	Tidak	156	46	30
		%	78	67	70
5	Jumlah kutipan wakaf semasa oleh WPAR boleh disemak dalam talian.	Tidak	164	56	38
		%	82	81	88
6	Saya tahu kaedah untuk menyalurkan wakaf tunai kepada WPAR.	Tidak	150	49	32

			75	71	74
7	Saya pernah mendengar penerangan berkaitan WPAR dari pegawai MAIPk.	Tidak	158	50	33
		%	79	72	77
8	Maybank Islamic menambah sebanyak RMI bagi setiap RMI yang diwakaf	Tidak	173	59	38
		%	87	86	88

Nota: <sup>a</sup> merujuk kepada jawapan Tidak Tahu dalam Jadual 3.

Situasi ini disokong lagi dengan dapatan pada pernyataan 7 yang menunjukkan informasi berkaitan WPAR tidak diketahui dan disampaikan langsung kepada ahli jawatankuasa masjid sebanyak 77 peratus (masih aktif) dan 72 peratus (pernah) walaupun keputusan pada pernyataan 1 yang menunjukkan sebahagian besar kumpulan ini mengetahui mengenai kewujudan dan pentadbiran WPAR. Kegagalan untuk mendapatkan maklumat langsung ini turut menyebabkan kaedah berwafak (pernyataan 3 & 6) dan projek pembangunan wakaf (pernyataan 4), turut sama tidak diketahui oleh kumpulan berkaitan menyamai kumpulan masyarakat awam.

## 6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Wakaf merupakan instrumen yang mengambil bahagian yang penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Islam khususnya. Peredaran zaman yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor menyebabkan instrumen ini disempitkan penggunaan dalam perkara-perkara berkaitan ibadah sahaja. Kini, instrumen ini semakin rancak dibincangkan dan mendapat perhatian dalam kalangan penggubal polisi. Langkah menguruskan wakaf menerusi penubuhan institusi secara khusus atau badan korporat merupakan antara strategi bagi meningkatkan kecekapan dalam pengumpulan dan pembangunan dana wakaf. Walau bagaimanapun, penyertaan masyarakat amat signifikan bagi memastikan perubahan yang dilaksanakan mendapat sokongan untuk jangka masa panjang. Dalam hal ini, institusi wakaf perlu dikenali oleh masyarakat secara menyeluruh bagi memastikan dana yang disasar dan projek yang dirancang dapat direalisasikan bersama-sama. Melalui dapatan kajian, tahap pengetahuan berkaitan WPAR bukan sahaja sederhana dalam kalangan masyarakat awam, bahkan juga sederhana dalam kalangan kumpulan yang menjadi penghubung MAIPk dengan masyarakat iaitu jawatankuasa masjid. Untuk mengatasi isu ini, konsep integrasi dalam penyebaran maklumat yang bersangkutan dengan institusi di bawah seliaan MAIPk perlu diberi perhatian oleh semua individu bertanggungjawab. Ahli jawatankuasa masjid perlu berperanan untuk menjadi ejen tidak formal kepada WPAR yang sentiasa menyebarkan maklumat berkaitan WPAR tanpa terikat kepada waktu, hari khusus seperti solat Jumaat, dan menampal poster sahaja. Memandangkan wujud jurang informasi yang ketara berkaitan WPAR dan pembangunan wakaf di Perak tanpa mengira kumpulan, maka satu kajian lanjut perlu bagi meneliti faktor-faktor dan tindakan penyelesaian yang perlu dilakukan oleh WPAR khususnya dan MAIPk amnya untuk merealisasikan pembangunan wakaf yang telah dirancang. Rentetan daripada dapatan yang rendah ini juga, pihak bertanggungjawab perlu merangka strategi bersepadu bagi mengintegrasikan semua individu dan institusi yang dikawal selia oleh MAIPk untuk mengambil peranan yang aktif bagi merealisasikan konsep pembangunan wakaf di Perak yang diterajui oleh WPAR. Keperluan menggunakan sumber manusia yang berada di bawah MAIPk amat penting bagi memastikan maklumat berkaitan WPAR diterima pada semua lapisan dengan sempurna.

## Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai melalui geran penyelidikan universiti oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak (Kod Penyelidikan: 2017-0157-106-01)

## Rujukan

- Adeyemi, A.A., Nurul Aini, I. & Siti Sabariah, H. (2016). An Empirical Investigation of the Determinants of Cash Waqf Awareness in Malaysia. *Intellectual Discourse* (Special Issue), 501–520
- Ahmad Zaki, L. (2011). Pengurusan harta wakaf di Malaysia: Realiti dan prospek. Kertas kerja dibentangkan dalam Islamic real estate education: A new paradigm. Selangor, Universiti Teknologi MARA.
- Aminah, M. & Mohammad Tahir Sabit, M. (2015). The Effectiveness Of Saham Waqf On Adequacy Of Funds For Development Projects In Malaysia. *International Journal of Real Estate Studies* 9(2), 16-37.
- Asharaf, M.R. & Abdullaah, J. (2014). Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisis Wakaf Selangor Muamalat. *Jurnal Pengurusan* 42, 159 - 167
- Asmak, A.R. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(1), 113-152
- Che Zuina, I., Nor Jana, S., Nor Jawanees, A.H. (2015). Administration and Management of Waqf Land in Malaysia: Issues and Solutions. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(4), 613-620.
- Enakmen Wakaf (Perak) 2015 Enakmen 9 Tahun 2015. Retrieved, [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State\\_Enact\\_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/9b97aaf8be996c5a4825801700086b89?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/9b97aaf8be996c5a4825801700086b89?OpenDocument).
- Faiz, O.A. (2014). An Analysis of Cash Waqf Participation among Young Intellectuals. In *Istanbul 9th International Academic Conference*. 13 April 2014
- Harun, R., Mohamed Isa, Z., Ali, N. (2012) Preliminary Finding on Waqf Management Practices among selected Muslim Countries. In *Proceedings of 2012 International Conference on Economics Marketing and Management IPEDR* Vol 28. LACSIT Press, Singapore
- Hassan, A., & Shahid, M. A. (2010). Management and Development of the Awqaf Assets. In *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010*
- Haydzulkifli, H.O. & Asmak, A.R. (2013). Aplikasi Sukuk Dalam Usaha Melestarikan Aset Wakaf: Pengalaman Pemegang Amanah Wakaf Terpilih, *Jurnal Syariah* 21(2), 89-116.

- Ihsan, H. & Mohamed Ibrahim, S. H. (2011) Waqf accounting and management in Indonesian Waqf Institution. *Humanaomics* 27(4), 252-269
- Ismail, C. Z., Muda, S., & Hanafiah, N. J. A. (2014). Challenges and Prospects of Cash Waqf Development in Malaysia. *Journal of Basic and Applied Scientific Research* 4(2), 340-348.
- Megat Mohd Ghazali, M.A.R. & Asiah, O. (2006). Pembangunan Tanah Wakaf: Isu, Prospek dan Strategi. In *Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006*. Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, di Hotel Legend Kuala Lumpur, pada 12-14 September 2006.
- Mohamad Zaim, I., Muhammad Ikhlas, R. & Mohd Anuar, R. (2015). Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 9, 1-13
- Mohd Syakir, M.T., Wan Kamal, M., Ermy, A.R. & Kartini, A.T. (2017). Perkembangan Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia Development of Waqf Higher Education in Malaysia *International Journal of West Asian Studies* 9(1), 82-92
- Mohiddin, M.O. (2013). Isu Pentadbiran Tanah Wakaf Dalam Konteks Ktn 1965 Dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan. *Jurnal Pentadbiran Tanah*, 3(1), 25 – 37.
- Najibah, M. & Mohd Zamro, M. (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 1(1), 45-57.
- Nor Asiah, M. (2018). Perkembangan Terkini Enakmen Wakaf Di Malaysia: Adakah Komprehensif?. *Jurnal Kanun* 30(2), 362-382.
- Norizah, M. & Asmak, A.R. (2015). Wakaf Penjagaan Kesihatan: Kajian Kes Di Hospital Waqaf An-Nur. *Jurnal Syariah* 23(3), 401-434
- Norma, M.S., Salina, K., Zarinah, H. (2013). Involvement Of Corporate Entities In Waqf Management: Experiences Of Malaysia And Singapore. *Asian Economic and Financial Review* 3(6), 736-748
- Nur Ainul Basyirah, A. & Ermy Azziaty, R. (2017). Pembinaan Institusi Wakaf Kesihatan di Istanbul pada Tahun 1470M (Hospital Fatih) Establishment of Health Waqf Institution (Fatih Hospital) in Istanbul in the Year 1470CE. *Islamiyyat* 39(2), 153 - 164
- Nur Ainul Basyirah, A. & Ermy Azziaty, R. (2016). Perkembangan Institusi Wakaf Kesihatan (Darussifa) Dalam Kerajaan 'Uthmaniyyah. *Sains Insani* 1, 55- 60
- Nur Shahida, A.F., Noorhayati, M., Noraizan, R., & Wan Anisah, E. (2017). Waqf Participation And Awareness: An Exploratory Study In The West Coast Of Sabah, Malaysia. *International Journal Of Research Science & Management* 4(6), 50-58.
- Puad, N.A.M., Rafidi, N.J., & Shahar, W.S. (2014). *Issues and Challenges of Waqf Instrument: A Case Study in MAIS*. Retrieved on 18 June 2014 from <http://www.kuis.edu.my/comm2014/e proceedings/C012%20ISSUES%20AND%20CHALLENGES%20OF%20WAQF%20INSTRUMENT%20A%20CASE%20STUDY%20IN%20MAIS.pdf>.
- Rabi'ah, M. & Rohimi, S. (2018). Isu dan Konflik Perundangan dalam Hibah Hartanah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat* 1(1), 84-101.
- Rohayu, A.M. & Rosli, S. (2014). Permasalahan Pengurusan Hartanah Wakaf Di Malaysia. *International Surveying Research Journal (ISRJ)* 4(1), 29-43.
- Rusnadewi, A.R., Rohayati, H. & Noor Inayah, Y. (2015). Pendaftaran tanah wakaf dari perspektif perundangan. *Muktamar Waqf Iklimi II USIM*.
- Rusnadewi, A.R. (2013). Memartabatkan Undang-Undang Islam Dan Mahkamah Syariah Dalam Undang-Undang Tanah Di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 5 (2), 27-36
- Saifuddin, F., Kayadibi, S., Polat, R., Fidan, Y., & Kayadibi, O. (2014). The Role of Cash Waqf in Poverty Alleviation: Case of Malaysia. Paper presented on Proceeding Kuala Lumpur International Business Economics and Law Conference 4 (KLIBEL4), 31 May – 1 June 2014. Hotel Putra, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Salehuddin, M.D. & Nor Asiah, M. (2017). Waqf Literatures from Malaysia: 60 Years After Independence. In *Global Waqf Conference* at Premiere Hotel, Pekanbaru, Riau, Indonesia on 17 th October 2017.
- Sanep Ahmad, S., & Muhamed, Nur Diyana. D. (2011). Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia. *PROSIDING PERKEM VI* (1), 138 –147
- Sayuti, A.G., Mohd Hamran, M., Hasan Al-Banna, M. & Basri, A.G. (2011). Amalan Pendaftaran Tanah Wakaf : Satu Kajian Kes Di Bawah Majlis Agama Islam Negeri Di Malaysia. In *International Conference 2011: Future Education in Global Challenges (ICETA 3)*, Hotel Garden Palace, Jawa Timur, Indonesia. 19 April 2011.
- Sharifah Zubaidah, S.A.K. (2016). Kerangka Undang-Undang Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang-Undang. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 28(1), 101-126.
- Siti Mashitoh, M. (2004). Pelupusan Tanah Di Bawah Pegangan Pajakan (*Leasehold*) Dalam Kanun Tanah Negara 1965: Implikasi terhadap Status Tanah-Tanah Yang Diwakafkan. *Jurnal Pemyelidikan Islam* 17, 91-108.
- Siti Mashitoh, M. (2007). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Syariah* 15(2), 61-83
- Siti Mashitoh, M., Asmak, A.R., Azizi, C.S., Suhaili, S. & Nor Aini, A. (2009). Konsep Dan Aplikasi Produk Wakaf Kontemporari Di Malaysia: Saham Wakaf Dan Wakaf Saham. In *Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 10 - 11 Februari 2009.
- Sulaiman, S. (2012). Isu Pembangunan Wakaf Menggunakan Struktur Amanah Pelaburan Hartanah Islam di Malaysia : Satu Tinjauan. *Makalah 24 Kanun* (2), 149–177.
- Syahnaz, S., Aznan, H. & Ahmad Azam, S. (2014). Potensi Pembangunan Harta Wakaf Menerusi Mekanisme Amanah Pelaburan Hartanah Islam (Islamic Real Estate Investment/ I-REIT) di Malaysia. *Jurnal Muamalat* 7, 1–28.
- Waqaf Muamalat. (n.d.). Retrieved July 31, 2018, from <http://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/>
- WPAR. (n.d.). Retrieved June 1, 2018, from <http://wakafperak.maiamp.gov.my/v1/index.php/en/bayaran-wakaf-2/2015-12-17-03-41-3>